

PRESS RELEASE

Untuk siaran segera

BANK MUAMALAT MELANCARKAN EZ-ZAKAT MUAMALAT BERSAMA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK), PUSAT KUTIPAN ZAKAT PAHANG (PKPZ), TABUNG BAITULMAL SARAWAK (TBS), DAN ZAKAT PULAU PINANG (ZPP)

Kuala Lumpur : Bank Muamalat Malaysia Berhad mengadakan majlis perjanjian kerjasama Ez-Zakat Muamalat dengan 4 buah negeri iaitu Kelantan, Pahang, Sarawak, dan Pulau Pinang.

Pelancaran ini direalisasikan dengan majlis menandatangani perjanjian kerjasama di antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKPZ), Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), dan Zakat Pulau Pinang (ZPP). Bank Muamalat diwakili oleh En Zury Rahimee Zainal Abiden, Ketua Divisyen Perbankan Konsumer.

Encik Zury Rahimee berkata, ini menandakan Bank Muamalat telah bekerjasama dengan 7 buah negeri untuk kutipan dan potongan zakat secara automatik. Terdahulu, Bank Muamalat telah menjalinkan kerjasama dengan Wilayah Persekutuan, Selangor dan Melaka. Perkhidmatan Ez-Zakat Muamalat ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila baru-baru ini Bank Muamalat telah menerima Anugerah Perkhidmatan Kreatif Atau Penilaian Produk 2019 – Ez-Zakat Muamalat daripada Islamic Retail Banking Award, Cambridge International Financial Advisory, di Oman. Sebagai penyedia perkhidmatan perbankan Islam, Bank Muamalat menjadikan Ez-Zakat Muamalat sebagai perkhidmatan ikoniknya.

Perkhidmatan Ez-Zakat Muamalat ditawarkan di semua 65 cawangan Bank Muamalat seluruh negara. Kaedah kiraan dan potongan zakat yang akan digunakan adalah mengikut praktis Pusat Zakat Negeri. Dengan fasiliti ini, ia akan memudahkan pendeposit Bank Muamalat yang beragama Islam menunaikan kewajipan berzakat ke atas wang simpanan mereka. Potongan zakat akan dilakukan secara automatik apabila cukup haul dan nisab.

- Tamat -

Issued by Corporate Communications Department of Bank Muamalat Malaysia Berhad. For further information, please contact Puan Saidatul Leiza Suleiman at leiza@muamalat.com.my or 011-10615266.

